

Gadis hadapi dugaan tunang HIV

SAYA berusia awal 20-an dan sudah bekerja. Kini keliru dan cuba membina semangat untuk meneruskan kehidupan kerana kerap kecewa.

Saya baru saja bertunang Mac lalu tapi tidak dapat meneruskan hubungan kerana pasangan memberitahu dia menghadapi HIV dan saya sudah melihat laporan perubatannya.

Dulu dia seorang gay tapi kami berkawan baik. Sepanjang perhubungan dia menjaga saya dengan baik dan memberitahu niatnya untuk berubah. Saya yakin jika niat baik, Allah pasti merahmati hubungan kami. Saya gembira dan teruja untuk berkahwin selain memiliki keluarga seperti orang lain.

Malangnya saya diuji bukan soal kesetiaan tetapi aspek lain. Hanya Allah yang tahu betapa kecewanya saya dengan kehidupan sekarang kerana sudah banyak membuat perancangan apabila berkahwin kelak.

Saya sudah mencuba yang terbaik dalam perhubungan kami. Malangnya masih gagal juga. Saya sangat kecewa dan mahu hidup dalam suasana gembira.

Hati saya sudah tawar untuk meneruskan hubungan dan berasa tertekan. Bagaimana saya harus meneruskan kehidupan? Diharap Dr dapat membantu dan memberikan kata-kata semangat.

Emosi saya terganggu sekali

gus menyebabkan prestasi kerja menurun. Haruskah saya mencari teman yang lain bagi mengubat kekecewaan ini?

Dalam dilema,
Terengganu.

JAWAPAN

DR ucapkan tahniah kerana adik masih mempunyai kekuatan dalam meneruskan kehidupan. Bukan mudah menghadapi kekecewaan demi kekecewaan. Sebagai manusia, sudah lumrah untuk sedih dan kecewa apabila menghadapi kegagalan.

Kekecewaan berlaku kerana adik meletakkan harapan tinggi dalam perhubungan dengan tunang. Begitu banyak perancangan sudah dlatur seperti implan untuk mempunyai keluarga dan menjadi isteri yang komited. Apabila banyak harapan tidak dapat dipenuhi, kekecewaan semakin dirasakan.

Adik tidak gagal dalam bercinta kerana tunang masih setia dan tidak mensia-siakan mahligai cinta yang dibina. Dalam kehidupan, ada kalanya banyak yang tidak menjadi kenyataan disebabkan situasi tertentu. Seluruh kehidupan adalah satu ujian. Adik diuji dengan tunang menghidap HIV.

Adik seorang yang mempercayai jodoh pertemuan Allah yang menentukan selain mempercayai hanya Allah

lebih mengetahui segala yang terbaik. Berpegang kepada kepercayaan qada dan qadar, adik boleh membina kekuatan diri serta melihat bahawa kehidupan adalah satu ujian.

Dr akui bukan mudah untuk meneruskan kehidupan apabila berhadapan dengan banyak kekecewaan. Bagi melupakan kekecewaan itu, adik boleh memutakan hidup baru dan kini cuba fokus kepada diri sendiri. Ia sebagai satu pelarian untuk mengurangkan kepedihan yang ditanggung selain satu bentuk mekanisma bela diri bagi menambah kekuatan.

Mengenai hubungan dengan tunang, beberapa pilihan ada di tangan. Adik boleh meneruskan perkahwinan dan kesannya perlu bersedia berhadapan dengan risiko tertentu. Jika adik tidak sanggup berhadapan risiko berkahwin dengan seorang menghidap HIV, adik tidak boleh membuang terus tunang hanya kerana dia mempunyai HIV. Tidak dapat berkahwin tidak semestinya mengelak daripada membantu dia meneruskan kehidupan.

Persoalannya, haruskah adik terburu-buru mencari kawan supaya dapat mengubat hati, tapi pada masa sama adik tidak mahu bercakap soal perasaan? Jawapannya, adik perlu ikhlas dalam membina satu perhu-

bugan cinta. Jika niatnya adalah untuk mengubat hati yang luka, adik pasti kecewa jika luka itu tidak terubat. Begitu juga adik pasti kecewa jika masih bercakap mengenai perasaan sendiri. Sekali lagi adik meletakkan harapan dan jangkakan tinggi dalam mengejar cinta.

Sebaiknya, biarlah cinta itu datang dengan sendiri, tanpa dipaksa dan bukan untuk menghilangkan kekecewaan. Jika adik bercinta untuk mengubat hati yang luka, adik pasti lebih banyak memikirkan keperluan diri.

Adik pasti terlupe teman adik mempunyai keinginan tersendiri dan wujudnya perhubungan cinta berat sebelah serta sudah tidak bersifat ikhlas.

Mengenai kata semangat, orang yang lebih layak memberinya ialah diri sendiri kerana hanya adik lebih mengenali diri. Anggapih segala yang berlaku sebahagian daripada episod kehidupan, ada suka dan duka. Berilah masa kepada diri untuk mengubat segala kekecewaan. Jangan paksa diri melupakannya.

Carilah minat atau hobi untuk mengurangkan kesakitan emosi yang dialami. Cari kawan dipercayai yang boleh mendengar luahan hati. Bina kekuatan diri melalui amal ibadah. Membaca juga satu terapi mengurangkan tekanan.

Ayah harap anak belajar di IPTA

SAYA remaja 17 tahun dan bakal menghadapi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun ini. Selepas tamat SPM dan mendapat keputusan, saya ingin melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) kerana saya hanya pelajar sederhana dan mungkin keputusan nanti tidak mengizinkan saya ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Saya berasal daripada keluarga sederhana dan tidak mahu berjauhan dengan keluarga. Tetapi ayah mahu saya melanjutkan pelajaran di IPTA atas alasan yuran pembelajaran lebih murah. Saya tahu skim pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) tersedia tetapi

tidak tahu adakah ia boleh membantu saya? Bolehkah saya berada di IPTS kelak dengan pendapatan keluarga tidak seberapa dan keputusan yang mungkin tidak layak untuk ke IPTA? Saya teringin menyambung pelajaran di Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMU) dalam bidang Diploma Seni Kuliner kerana tidak jauh dari rumah.

Gadis,
Ampang.

JAWAPAN

PILIHAN untuk belajar, sama ada di IPTS atau IPTA bergantung pada kelayakan masuk dan kursus dipohon selain minat seseorang.

Melanjutkan pelajaran sama ada di IPTS dan IPTA, kedua-duanya memerlukan perbelanjaan. Bantuan dalam bentuk PTPTN juga disediakan bagi mereka yang layak memohon. Jika bantuan PTPTN yang diterima tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan pengajian dan sara hidup, pelajar boleh mencari pilihan lain untuk menampung perbelanjaan sepanjang pengajian.

Dr gembira kerana adik mempunyai minat tinggi untuk melanjutkan pengajian. Ilmu sangat penting dalam kehidupan. Masalah kewangan tidak sepatutnya menghalang adik untuk meneruskan pengajian. Adik boleh

bertanya kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar tempat adik belajar nanti untuk bertanya cara untuk menampung perbelanjaan pengajian.

Mengenal rancangan melanjutkan pelajaran, bidang seni kuliner yang ingin diceburi juga adalah bidang yang baik.

Berbincang dengan ayah mengenai minat dan peluang pekerjaan yang boleh adik ceburi selepas tamat pengajian kelak. Cari maklumat tempat lain yang boleh adik mohon bantuan kewangan selain PTPTN. Yakinkan ayah bahawa masalah kewangan tidak wajar dijadikan halangan untuk adik terus belajar dalam bidang diminati. Semoga adik berjaya.